# Serangan di Paris bukan konflik Islam, Barat

## *Keganasan militan tiada kaitan mana-mana agama, masyarakat*



DR MUHAMAD RAZAK IDRIS

Semua pihak masih dalam keadaan terkejut dengan peristiwa serangan senjata terhadap syarikat penerbitan *Charlie Hebdo* beberapa hari lalu yang mengorbankan belasan nyawa. Sebagai Muslim, kita mesti konsisten menyatakan sikap yang jelas mencela perbuatan ganas yang dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Perbuatan menggunakan kekerasan bagi menangani pertembungan nilai dan amalan antara tamadun berbeza bukan bersumberkan ajaran Islam. Agama Islam meletakkan prinsip kemuliaan insan dan menganjurkan pendekatan 'dialog' dalam erti yang luas bagi menghadapi apa juga bentuk pertembungan dan perselisihan.

Demikianlah prinsip dan sikap yang konsisten yang ditunjukkan oleh masyarakat Muslim berhubung peristiwa keganasan di seluruh dunia sama ada peristiwa 11 September 2001 atau kejadian lain yang serupa selepasnya. Sekiranya pelakuan keganasan itu dilakukan oleh penganut Muslim, maka celaan dan bantahan perlu dilakukan terhadap pelaku itu. Ia tidak boleh dikaitkan sama sekali dengan agama Islam atau masyarakat Muslim seluruhnya. Begitu juga sikap kita terhadap pelaku keganasan dalam kalangan penganut agama lain.

### Tidak ambil pengajaran

Kita berasa dukacita kerana ramai pihak tidak mengambil pengajaran daripada punca yang membawa kepada perlakuan keganasan dalam kehidupan manusia hari ini. Dalam pelbagai komentar yang diteliti berhubung kejadian di Paris itu, ada banyak pendapat yang menganjurkan kepentingan penegasan berterusan dilakukan kembali supaya nilai penghormatan terhadap kemuliaan manusia dan kesucian agama dijunjung seutuhnya oleh semua tanpa mengira anutan, pegangan dan fahaman kepercayaan.

Prinsip penghormatan terhadap kemuliaan agama dan simbolnya adalah nilai sejagat yang merentas sempadan benua dan negara sama ada di Timur atau Barat. Semestinya setiap individu atau masyarakat, sama ada pandangan hidupnya dipandu oleh ajaran agama atau ideologi sekular, mempunyai prinsip nilai yang dikongsi bersama. Dalam konteks ini, nilai penghormatan kemuliaan insan dan kesucian agama adalah prinsip yang perlu dijunjung dan dihormati tanpa kompromi.

Permasalahan keganasan yang membawa kepada kehilangan nyawa yang menyayat hati dalam kehidupan hari ini terjadi antaranya berpunca dari sikap sebahagian anggota masyarakat yang tidak menjunjung nilai kebersamaan yang sepatutnya dikongsi seluruh umat manusia. Sikap menafikan prinsip perkongsian keluhuran nilai bersama ini disebabkan oleh tanggapan bahawa nilai pegangan kehidupan mereka merentasi nilai pegangan orang lain tanpa had dan batasan menjadi antara punca utama pertembungan nilai dalam kehidupan.

Misalnya, apabila sesetengah pihak berpegang dengan prinsip 'kebebasan bersuara' tanpa batas dan dengan itu mereka boleh menggunakan prinsip itu untuk meremehkan, mempersenda dan mentertawakan kemuliaan manusia dan kesucian agama masyarakat lain, maka sudah tentu ia dengan mudah mengundang tindak balas tanpa kawalan pihak lain. Begitulah bentuk dialektik pertembungan dan punca yang membawa kepada berlakunya banyak peristiwa keganasan dalam masyarakat dunia hari ini. Dalam konteks di Paris itu, peranan *Charlie Hebdo* dalam menerbitkan bahan yang mempersendakan kesucian agama dan kemanusiaan memang diketahui umum.

### Tidak terkeliru peristiwa di Paris

Ramai sarjana Muslim menyeru masyarakat dunia tidak terkeliru dengan peristiwa di Paris itu dengan menjadikannya sebagai bukti wujudnya pertembungan antara tamadun Islam dan Barat. Jika ada anggota masyarakat yang terpengaruh dengan pandangan pertembungan antara dua tamadun ini, mereka sebenarnya sudah berada dalam perangkap minda yang sengaja dicipta oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan peristiwa ketakutan dan kemarahan antara pelbagai penganut dan penduduk masyarakat. Kes di Paris itu bukan bukti untuk mengabsahkan pertembungan agama dan tamadun. Ia perlu ditinjau secara khusus dalam latar sosiopolitik masyarakat Eropah semasa terutama dalam konteks perhubungan masyarakat tempatan dan golongan yang berhijrah di Perancis.

Kes di Paris ini juga perlu dijadikan asas untuk kita meneroka lebih mendalam perkembangan sosiopolitik masyarakat Eropah semasa. Analisis mengenai pertembungan dan persaingan sengit aliran kanan dan kiri dalam kalangan kumpulan masyarakatnya hari ini banyak dibicarakan dalam teks ilmiah. Persoalan golongan yang berhijrah ke Eropah yang kian meningkat serta kemunculan fenomena agama yang semakin jelas dijadikan modal politik oleh sesetengah pihak bagi meraih kepentingan kuasa tertentu. Bagi tujuan itu, kaedah provokasi bagi mewujudkan ketegangan dan membina minda perseteruan dengan menggunakan apa juga saluran media menjadi pilihan. Apa yang mendukacitakan, realiti persaingan kepentingan demi meraih kuasa ini terpaksa memakan korban, seterusnya mewujudkan kehidupan bermusuhan yang tidak berkesudahan. Moga kita semua mengambil pengajaran.

**Penulis**
ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM.

**SIDANG REDAKSI**

Pengarang Urusan Kumpulan NSTP
**Datuk Abdul Jalil Hamid**
jalil@bh.com.my

Pengarang Kumpulan BH
**Datuk Mahfar Ali**
mafa@bh.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan BH
**Badrulhisham Othman**
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran/e-Paper
**Rosli Safar**
roslis@bh.com.my

**BH**
diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur.
**Tel:** 1-300-22-6787
**Faks:** 03 20567081
**Laman Web:** www.bharian.com.my
**E-mel:** bhrencana@bh.com.my